

## UMS rancang pementasan teater Hari Malaysia, tonjol tokoh tempatan Sabah

UB 18.08.2022 P.04

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal mengadakan sebuah pementasan teater berskala besar berkonsepkan Hari Malaysia yang memfokuskan sejarah di sebalik pembentukan Malaysia daripada perspektif tokoh tempatan Sabah.

Ketua Program Seni Kreatif, Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) UMS, Dr. Sharip Zainal Sagkif Shek berkata, pementasan dijangka diadakan pada bulan September atau Oktober 2022.

“Sebagai makluman, cadangan pementasan teater itu merupakan cetusan idea Pengurus Lembaga Pengarah UMS, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan menerusi perbincangan bersama beberapa kakitangan pengurusan tertinggi universiti dan pensyarah ASTiF baru-baru ini.

“Pementasan ini akan menonjolkan sisi cerita penting yang belum banyak diketahui umum mengenai sumbangan dan penglibatan tokoh-tokoh



**TEATER:** Rahman (lima kiri) mengambil gambar kenangan selepas sesi perbincangan bersama pihak pengurusan tertinggi UMS dan beberapa pensyarah ASTiF. Turut kelihatan Sharip (dua kiri).

Sabah seperti Tun Datu Mustapha Datu Harun, Tun Fuad Stephens, G.S. Sundang, Peter Chin dan beberapa tokoh lain,” katanya.

Menurut Sharip, pementasan teater dikendalikan sepenuhnya oleh para pensyarah dan pelajar ASTiF serta melibatkan beberapa pelakon popular tempatan.

“Ia sekali-gusakan memberi dimensi baharu kepada konsep sambutan Hari Malaysia yang diharap dapat menanamkan semangat perpaduan dan cintakan tanah air dalam

konteks kepelbagaiannya suku kaum atau etnik di Sabah.

“Banyak cerita sampingan atau anekdot penting yang berlaku di sebalik penubuhan Malaysia harus diketengahkan bagi menunjukkan semangat perjuangan dan iltizam tokoh-tokoh terdahulu.

“Ia bagi memastikan penubuhan Malaysia dapat memberi faedah kepada rakyat Sabah terutama generasi muda yang menjadi penyambung legasi penubuhan tersebut,” ujar Sharip.

Beliau berkata, pihak AS-

TiF turut mendapatkan bantuan pensyarah dan penyelidik Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) UMS, Prof. Madya Dr. Bilcher Bala bagi menyediakan bahan-bahan sejarah yang berkaitan untuk dijadikan sumber idea bagi skrip pementasan tersebut.

“Pada masa yang sama ia bagi memastikan sumber cerita yang disampaikan unik dan sahih, masih belum dinyatakan dalam mana-mana buku sejarah, sekali gus menjanji satu kelainan

yang mampu menarik para audiens hadir menyaksikan pementasan.

“Dengan sokongan pelbagai pihak terutamanya Pengurus Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi UMS, kami yakin pementasan teater ini akan mampu dilaksanakan dengan jayanya dan memberi kesan signifikan kepada sambutan Hari Malaysia pada tahun ini,” katanya yang juga seorang pensyarah dan aktif dalam bidang seni persembahan pentas.

Untuk rekod, pementasan teater yang berkonsepkan semi-muzikal itu dijangka akan melibatkan penyertaan lebih 80 tenaga kerja termasuk pelakon, penari, pemuzik, penyanyi dan tenaga krew belakang pentas.

Dengan tujuan untuk memupuk semangat cintakan tanah air dalam perspektif rakyat negeri Sabah, pementasan tersebut akan diketuai pensyarah teater ASTiF yang cukup berpengalaman, Sharifuddin Zainal dan Syafik Salleh.